



Krisis ekologi perlu pandangan kontemplatif

VATIKAN: Beberapa hari selepas memulakan cuti musim panasnya di Castel Gandolfo, Sri Paus Leo XIV merayakan Misa pertamanya sebagai Bapa Suci, untuk Penjagaan Penciptaan, satu formulasi baharu dalam Missale Romawi. Misa tersebut berlangsung di Desa *Laudato Si'*, sebuah pusat pendidikan yang terletak di kediaman musim panas Sri Paus berhampiran Roma dan dihadiri oleh kakitangan pusat tersebut.

Dalam ucapan spontan pada awal homilinya, Bapa Suci berkata Misa sedang dirayakan dengan dikelilingi oleh keindahan dalam "sejenis katedral 'semula jadi'."

Prelatus itu menyatakan bahawa susun atur Desa *Laudato Si'*, yang mempunyai sebuah altar di hadapan dan sebuah kolam air berdekatan, mengingatkan kembali imej Gereja-gereja Kristian perdana, yang meletakkan kolam pembaptisan berhampiran pintu masuk sebagai lambang bahawa orang Kristian telah melalui air untuk

dibersihkan daripada dosa dan kelemahan kita.

Sri Paus Leo XIV meratapi banyak bencana alam yang menimpa orang di seluruh dunia, yang "sering disebabkan — yang sebahagiannya disebabkan oleh ketamakan manusia, pihak-pihak yang mementingkan diri serta kekayaan dan cara hidup kita."

"Kita juga mesti berdoa untuk pertaubatan untuk semua orang, sama ada di dalam mahu pun di luar Gereja khususnya yang masih tidak menyedari kepentingan menjaga rumah bersama kita," katanya.

Sri Paus Leo merayakan Misa, dibantu oleh Kardinal Michael Czerny, Prefek Dikasteri untuk Memajukan Pembangunan Manusia Seutuhnya.

Beralih kepada teks homilinya yang telah disediakan, Sri Paus Leo XIV menyatakan bahawa suasana tenang di Desa *Laudato Si'* berbeza dengan pemanasan global dan konflik bersenjata yang melanda dunia kita.

"Di tengah-tengah perayaan Jubli, kita mengaku: ada harapan!" katanya. "Kita telah menemui Harapan dalam Yesus, Juruselamat dunia. Dia masih, dengan kua-

sa-Nya, menenangkan badai."

Merenungkan tentang kisah badai yang ditenangkan oleh Yesus, Bapa Suci berkata bahawa perumpamaan Yesus tentang Kerajaan Tuhan sering kali mengambil elemen irama kehidupan, musim dan alam semulajadi.

Ketika menegur angin dan laut, Yesus "memperlihatkan kuasa-Nya yang memberi kehidupan dan keselamatan."

Bapa Suci Leo berkata misi kita sebagai orang Kristian untuk menjaga ciptaan telah diamankan oleh Tuhan kepada kita, supaya kita dapat membawa keamanan dan perdamaian kepada dunia kita yang bergolak.

"Kita mendengar jeritan bumi dan orang miskin," katanya, "dan jeritan itu telah sampai ke hati Tuhan. Kemarahan kita adalah kemarahan-Nya; kerja kita adalah kerja-Nya."

Oleh itu, Gereja dipanggil untuk menyampaikan kebenaran kepada bangsa-bangsa bagi mengubah kejahatan menjadi kebaikan, ketidakadilan menjadi kesaksamaan, dan ketamakan menjadi persekutuan, kerana Gereja menjadi saksi kepada "perjanjian yang tidak dapat dimusnahkan

antara Pencipta dan makhluk."

Bapa Suci turut merujuk Sto Fransiskus dari Assisi yang menyatakan kasih Tuhan terhadap seluruh ciptaan, yang memberikan kehidupan kepada segala-galanya.

"Hanya pandangan yang kontemplatif dapat mengubah hubungan kita dengan ciptaan Tuhan dan membawa kita keluar dari krisis ekologi yang disebabkan oleh keretakan hubungan — dengan Tuhan, dengan orang-orang di sekeliling kita, dan dengan bumi — yang berpunca daripada dosa," katanya.

Sri Paus Leo XIV berkata bahawa Sri Paus Fransiskus mahu Desa *Laudato Si'* menjadi "sebuah makmal" di mana untuk mewujudkan keharmonian dengan ciptaan, sambil mencari cara baharu untuk menjaga alam semula jadi.

Pada akhir homilinya, Sri Paus Leo mengajak penganut Kristian untuk menyebarkan keharmonian di seluruh dunia, dengan mengambil inspirasi daripada Sto Augustinus melalui kata-kata terkenalnya, "Ya Tuhan, karya-Mu memuji-Mu supaya kami dapat mengasihi-Mu, dan kami mengasihi-Mu supaya karya-Mu memuji-Mu." **Media Vatikan**

Puisi masih relevan?

Siapa lagi yang masih membaca puisi? Dalam era digital dan pada masa ini, banyak perkara yang telah menggantikan puisi. Apa yang dapat ditawarkan oleh puisi?

Salah seorang tokoh intelektual terkenal dalam generasi kita, Charles Taylor, dalam buku terbarunya *Cosmic Connections, Poetry in the Age of Disenchantment*, menjawab soalan ini.

Puisi bertujuan untuk mempesonakan semula kita, untuk membantu menghilangkan kebosanan kesederhanaan sehari-hari, untuk melihat semula hubungan mendalam yang wujud secara semula jadi antara semua perkara.

Bagi Taylor, semasa kanak-kanak, kita secara semula jadi berhubung dengan hubungan mendalam yang tertanam di antara semua perkara; namun, pertumbuhan dan perkembangan normal kita menghakis rasa keteraturan kosmik yang asal dan tidak terucap. Kita merasakan kehilangan ini dan mempunyai kerinduan yang belum terungkap untuk memulihkan rasa kesempurnaan itu.

Dan di situlah puisi yang baik dapat membantu kita.

Apabila kita mengalami sesuatu, kita tidak sekadar menerimanya, seperti kamera yang mengambil gambar, kita membantu mentakrifkan maknanya.

Menurut Taylor, "Kita tidak hanya merekodkan perkara; kita mencipta semula makna perkara."

Oleh sebab itu, seperti mana-mana karya seni yang baik, fungsi puisi adalah untuk mengubahsui satu pemandangan supaya susunan yang lebih mendalam tentang sesuatu menjadi jelas dan bersinar.

Penyair Perancis, Stephane Mallarme, menyatakan bahawa fungsi seni bukan untuk melukis sesuatu, tetapi untuk melukis kesan yang dimaksudkan untuk dihasilkan.

Bagi Taylor, puisi yang baik boleh melakukan itu. Bagaimana? Dengan membantu kita melihat perkara dari perspektif yang lebih besar.

Terperangkap dalam kehidupan kita sendiri, kita terlalu dekat dan begitu terpesona sehingga kita tidak dapat dengan tepat menamakan apa yang kita lalui.

Puisi memberikan plot, sebuah cerita dan ini dengan cara yang memberikannya bentuk yang dramatik.

Kita kini dapat melihat kehidupan kita sebagai sebuah cerita, sebuah drama, sebuah perjuangan, dengan maruah dan makna yang lebih mendalam.

Sebagai contoh, dengan memberikan ekspresi puitis kepada emosi yang menyedihkan, puisi membolehkan kita lebih mendalami dan memahaminya.

Tugas penyair adalah untuk menjadikan atau mengolah puisi daripada bahan mentah yang tidak puitis.

Seperti yang pernah dikatakan oleh William Wordsworth, puisi adalah "emosi yang dikenang dalam ketenangan."

Dan untuk melakukannya, penyair perlu menggunakan bahasa yang berbeza.

Taylor menjelaskan bahawa, "Puisi adalah 'terjemahan' wawasan ke dalam bahasa yang lebih halus."

Apa yang tidak dapat difahami dalam bahasa instrumental, iaitu nilai, moral, etika, cinta, dan seni, memerlukan penerokaan yang hanya boleh dilakukan dalam kosa kata lain.

Bahasa empirisisme pada dasarnya adalah instrumen di mana kita dapat membina gambaran dunia dan sudut pandang dunia penuturnya.

Tetapi dunia sekarang tidak lagi melihat alam semesta sebagai tempat roh dan kuasa magis.

Sekarang, keselamatan, penyebab dan kecuaiian tentang alam semesta mungkin lebih banyak didengar dalam istilah undang-undang.

Katanya lagi, "Jadi satu perbezaan penting muncul, antara bahasa instrumental biasa yang menandakan objek-objek yang berbeza, dan menggabungkan penandaan ini menjadi potret yang tepat tentang perkara-perkara dan peristiwa-



peristiwa, yang semuanya berfungsi untuk mengawal dan memanipulasi perkara-perkara"... [sebaliknya] ucapan yang benar-benar mendalam [seni yang baik] mendedahkan hakikat sebenar sesuatu dan mengembalikan hubungan dengan mereka.

Bahasa puitis memberi kita rasa bahawa kita dipanggil, kita menerima panggilan. Ada seseorang atau sesuatu di luar sana.

Puisi seiring dengan muzik sebagai amalan paralinguistik. Tetapi apa kaitan semua ini dengan kerohanian, terutamanya kerohanian Kristian?

Bukankah puisi dan seni adalah subjektif semata-mata dan, oleh itu, sering kali tidak bermoral?

Taylor pasti tidak bersetuju sejauh ini berkaitan dengan puisi yang baik dan seni yang baik. Seni yang baik, katanya, tidak pernah berkaitan dengan "selera yang berubah-ubah".

Taylor menjelaskan bahawa makna yang kita alami dalam puisi dan seni yang baik mempunyai tempatnya bersama dengan tuntutan moral dan etika. Mengapa?

Kerana, bagi Taylor, dalam puisi yang baik dan seni yang baik "pengalamannya adalah satu kegembiraan dan bukan sekadar satu kesenangan."

Bezanya? "Anda mengalami kegembiraan apabila anda belajar atau diingatkan

tentang sesuatu yang positif, yang mempunyai kepentingan etika atau spiritual yang kuat, manakala keseronokan yang kuat cenderung untuk menutup anda lebih dalam kepada diri sendiri."

Bagi Taylor, kegembiraan membangkitkan "intuisi yang dirasakan" yang bukan sekadar subjektif. Ia adalah satu pembukaan kepada ontologi, kepada Tuhan.

Akhirnya, memetik daripada kata-kata Baudelaire, Taylor meninggalkan kita dengan penjelasan ini: "Melalui puisi dan dengan puisi, melalui dan dengan muzik, jiwa melihat kilauan di sebalik kubur; dan apabila sebuah puisi yang indah membawa air mata ke tepi mata, air mata ini bukanlah bukti kelebihan keseronokan, tetapi lebih kepada kesaksian melankoli yang terganggu, tuntutan saraf dari alam yang terasing dalam ketidaksempurnaan dan yang ingin segera meraih, di bumi ini, sebuah syurga yang terungkap."

Jadi, apa kaitan puisi dengan kerohanian? Ini kata-kata Sto Augustinus yang digubah semula: "Engkau telah menciptakan kami untuk diri-Mu, Tuhan, dan apabila puisi dan muzik menggigit hati kami dengan melankoli yang sayu, kami menyedari bahawa akhirnya hanya pada dakapan-Mu sahaja jiwa kami dapat berehat." **Hakcipta Terpelihara 1999-2025@ Fr Ron Rolheiser**

Persembahan hati kepada Tuhan

Injil Lukas hari ini adalah salah satu kisah yang sangat indah dan mendalam iaitu tentang Marta dan saudarinya Maria di Betania dekat Yerusalem.

Pada inti kisah ini, ia mahu menegaskan perlunya kita selalu mendengarkan sabda Tuhan.

Pesan Injil Lukas ini ditujukan kepada semua orang, tanpa perbezaan dan di mana sahaja.

Dalam kisah itu ditegaskan pula, bahawa bukan kesempurnaan dalam melaksanakan perbuatan kitalah yang diutamakan, melainkan kemampuan memilih apa yang paling utama/perlu/penting bagi kita — itulah yang terpenting dan dipilih oleh Maria, iaitu: mendengarkan sabda Tuhan.

Dalam Injil hari ini Yesus berkata: "Marta, Marta, engkau khuatir dan menyusahkan diri dengan banyak perkara, tetapi hanya satu saja yang perlu. Maria telah memilih bagian yang terbaik, yang tidak akan diambil dari padanya" (Luk 10:41-42).

Maria sebagai murid Yesus memilih apa yang paling penting untuk menyambut Sang Tamu. Maria tidak menyambut begitu sahaja tetapi hadir

secara peribadi sepenuhnya untuk menghadapi Dia, Yesus.

Kehadiran Si Pengunjung itulah sasaran utama perhatian Maria. Tokoh Marta dan Maria tampil sebagai gambaran dua model, dua bentuk, dua cara yang seringkali kita hadapi sebagai ketegangan antara dua sikap dan perbuatan dalam kehidupan kita sehari-hari.

Dalam hidup kita ada banyak kegiatan yang harus kita laksanakan. Tetapi ada pula saat-saat, di mana kita harus mahu diam menyediakan waktu, berusaha mencari ketenangan dan berfikiran matang, agar mampu melaksanakan kegiatan itu secara baik dan tepat. Sikap terhadap Yesus dapat kita lihat juga dalam sikap kita terhadap tetamu kita!

Maka Injil hari ini menunjukkan kepada kita, bagaimana kita dapat menyelenggarakan sebuah keramah-tamahan (*hospitality*) dalam menerima tetamu.

Ternyata kunci keramah-tamahan Kristian bukanlah berupa ketegangan antara kegiatan dan ketenangan sebaliknya kesediaan dalam menerima atau menyambut kedatangan atau kunjungan tetamu itu iaitu kesediaan mendengarkan apa yang ingin disampaikan oleh si tamu

kepada kita. Itulah yang dilakukan oleh Maria!

Tetapi kita, sedar atau tidak sedar, memiliki halangan dalam diri kita sendiri. Kita menghadapi masalah-masalah kita sendiri. Kita sangat menaruh perhatian terlalu banyak kepada kepentingan kita sendiri.

Kita acuh tak acuh dan tidak ambil berat terhadap keadaan orang lain. Dan orang-orang lain adalah asing bagi kita. Singkatnya: kita tidak ramah tamah terhadap sesama, keramahan kita hampir tidak dirasakan oleh orang lain.

Atau mungkin kita terlalu memikirkan hal-hal yang kita fikir penting, mungkin ingin menghidangkan hidangan luar biasa, sambutan sangat meriah.

Namun tanpa sedar, akibat kesibukan itu, kita tidak ada waktu dan perhatian cukup untuk menyambut dan mendenangkan apa yang ingin disampaikan oleh tetamu kita.

Dalam kisah Injil hari ini, Marta dapat belajar dan mengalami pelajaran hidup yang sangat mendalam.

Sebenarnya dengan menghidangkan jamuan sederhana kepada Yesus, akan jauh lebih berkenan kepada-Nya daripada terlalu sibuk dengan segenap jerih

**HARI MINGGU
BIASA KE-16**

KEJADIAN 18:1-10A

KOLOSE 1:24-28

INJIL LUKAS 10:38-42

payahnya untuk menghidangkan makanan dan minuman yang banyak atau terbaik kepada-Nya.

Kita seharusnya lebih mendengarkan sapaan dan pesan Yesus. Oleh sebab itu, kata-kata Yesus, bahawa "Maria telah memilih bahagian yang terbaik" adalah pelajaran begitu mendalam, yang dapat menolong Marta untuk ikut memahami apa artinya menjadi murid sejati Yesus.

Kesediaan dan kesanggupan mendengar sabda Tuhan — itulah tanda nyata kemuridan Yesus sejati.

Dan hanya dengan kesejatian kemuridan Yesus inilah, kita akan mampu menyambut kunjungan orang lain, dan bergaul dengan sesiapa pun (persaudaraan) sebagai orang Kristian sejati.

Hanya dengan mendengarkan sabda Tuhan, apa pun yang kita lakukan akan berkenan kepada-Nya. **Msgr F.X Hadisumarta O.Carm**

KUCHING: Mesyuarat ke-27 Komisi Liturgi Serantau Episkopal (ERLC), di bawah naungan Konferensi Uskup Katolik Malaysia, Singapura dan Brunei, telah diadakan pada Jun 26 di Keuskupan Agung Kuching.

Ia dihadiri oleh perwakilan dari Komisi Liturgi Keuskupan Agung Singapura, Kuala Lumpur, Kuching, Kota Kinabalu, Keuskupan Pulau Pinang, Melaka Johor, Sibiu, Miri dan Keningau.

Presiden ERLC, Kardinal William Goh tidak dapat hadir secara fizikal namun 'hadir' dalam mesyuarat melalui platform Zoom.

Beberapa isu penting berkaitan liturgi telah dibincangkan. Antaranya Misa untuk para Kudus, yang



ERLC bincang perkara liturgi yang mendesak

merupakan hari wajib dan Misa para Arwah yang tidak wajib tetapi dihadiri secara meluas oleh umat awam. Dua perayaan ini diraikan pada hari Sabtu dan Ahad.

Perayaan lain yang dibincangkan ialah Tahun Baharu Cina 2026. Hari kedua perayaan ini jatuh pada

hari Rabu Abu, yang menandakan hari pertama puasa Pra-Paskah.

Beberapa perkara lain turut dibincangkan berkenaan dengan, *Lectionary New Jerusalem* dan *Lectionary Versi Standard Ingeris-Versi Katolik (ESV-CE)*, Upacara Inisiasi Kristian untuk Dewasa (RCIA)

dan Misa dengan Kanak-kanak.

Selain mesyuarat, para perwakilan berpeluang melawat arkib Keuskupan Agung Kuching, Gereja St Peter yang baharu dengan seni bina *gothic* serta melawat sebahagian bandaraya Kuching dan menikmati hidangan

istimewa Kuching.

Uskup Agung Simon Poh dari Kuching meluangkan masa untuk bertemu dengan para delegasi dan menyertai mereka untuk salah satu makan malam mereka.

Pada akhir mesyuarat ERLC, para delegasi dijemput untuk menghadiri perasmian Gereja St Peter yang baharu pada Hari Perayaan Sto Petrus dan Paulus pada Jun 29 serta sambutan ulang tahun imamat ke-40 dan ulang tahun ke-70 Fr Vincent Chin, Rektor Gereja St Peter pada Jun 30.

Mesyuarat ERLC seterusnya akan diadakan di Keuskupan Melaka Johor dari Jun 16 hingga 18, 2026.



ERCSC diseru kongsi Kristus dengan Asia Global

BANDAR SERI BEGAWAN, Brunei Darussalam: Komisi Episkopal untuk Komunikasi Sosial Serantau (ERCSC) telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dan Pembentukan 2025 di Gereja *Our Lady of the Assumption* pada Jun 24-27 lalu.

Pertemuan selama empat hari itu menghimpunkan 25 perwakilan dari sembilan keuskupan di seluruh Malaysia, Vikariat Apostolik Brunei, kongregasi Daughters of St Paul, peserta dari Singapura dan SIGNIS yang menyertai secara maya.

Menggabungkan pembentukan rohani, perbincangan kolaboratif dan peralihan kepimpinan, perhimpunan tersebut berfungsi sebagai platform yang bermakna untuk pembaharuan dan refleksi.

Dengan berpanduan tema sempena Hari Komunikasi Sedunia 2025, "Kongsi dengan lembut harapan yang ada di dalam hati anda" (1 Petrus 3:15-16), mesyuarat

itu tersebut dirasmikan oleh Kardinal Sebastian Francis, Presiden ERCSC.

Dalam ucapan pembukaannya, prelatus itu menggalakkan para peserta untuk tetap berakar umbi dalam Roh Kudus dalam setiap aspek misi mereka.

Kardinal Sebastian turut menekankan pewartaan kanonisasi Beato Carlo Acutis yang akan diisytiharkan sebagai santo pada September 8, 2025 di Roma dan dikenali sebagai 'Apostol Siber'.

Menekankan semangat sinodaliti, Kardinal Sebastian menegaskan bahawa Gereja-gereja di Malaysia, Singapura dan Brunei adalah rakan kongsi yang setara, tanpa ada keuskupan yang dominan. Uskup Pulau Pinang itu juga mengajak para perwakilan untuk menerima panggilan misi "Kongsi Kristus dengan Asia Global," selaras dengan visi Radio Veritas Asia.

Kardinal juga menekankan peranan penting golongan muda dalam pelayanan, mengakui mereka sebagai penggerak utama dalam misi digital hari ini.

Tambahnya, "Dalam dunia misi digital ini, tiada sempadan. Roh Kudus adalah pengaruh utama, bukan personaliti kita dan Roh Kudus tidak pernah mengecewakan."

Pemilihan pegawai baharu ERCSC untuk penggal dua tahun akan datang telah dijalankan semasa mesyuarat.

Mesyuarat sebulat suara mengekalkan kepimpinan Daniel Roy Santiyagu dari Keuskupan Pulau Pinang sebagai Pengerusi; Fr Sixtus Pitah dari Keuskupan Melaka-Johor sebagai Timbalan Pengerusi; Sandriana Anne dari Keuskupan Agung Kota Kinabalu sebagai Setiausaha dan Rogena Roger Sining dari Keuskupan Sandakan sebagai Penolong Setiausaha.

Perkembangan pelayanan komunikasi sosial di tiga negara tidak mengecewakan

BANDAR SERI BEGAWAN, Brunei Darussalam: Semasa mesyuarat tahunan Komisi Episkopal untuk Komunikasi Sosial Serantau (ERCSC) di Gereja *Our Lady of the Assumption* pada Jun 24-27 lalu, para perwakilan telah memberikan kemas kini mengenai pelayanan komunikasi keuskupan masing-masing.

Keuskupan Agung Singapura dalam mengkoordinasikan liputan media semasa lawatan bersejarah mendiang Sri Paus Fransiskus, yang menunjukkan keupayaannya untuk menguruskan acara Gereja berskala besar dengan profesionalisme dan teliti.

Keuskupan Agung Kuala Lumpur melaporkan kejayaan pelaksanaan webinar awamnya dan pembukaan kemudahan media yang dibina khas, Cahaya Suara.

Di Keuskupan Penang, pelaburan dalam teknologi penyiaran yang dipertingkatkan membolehkan liputan yang lebih luas untuk perayaan tahunan Sta Anna.

Di Malaysia Timur, Keuskupan Agung Kuching merayakan pembukaan Gereja Sto Peter manaka-

la Keuskupan Sibiu merasmikan *shrine* yang telah lama dinantikan serta didedikasikan kepada Perawan Maria yang Terberkati.

Keuskupan Miri pula berbangga dengan pelancaran stesen radio komuniti Katolik dengan bajet yang sederhana, satu contoh yang menggalakkan komitmen dan kreativiti dalam menghadapi sumber yang terhad.

Keuskupan-keuskupan di seluruh Malaysia sedang aktif terlibat dalam Perjalanan Salib yang bermula semasa Hari Belia Katolik Malaysia pada April 2025 dan akan mengelilingi seluruh paroki di sembilan Keuskupan sehingga September 2026.

Para delegasi juga mengkaji penggunaan kit Hari Komunikasi Sedunia mereka, yang amat bermanfaat dalam homili, katekesis, dan penglibatan komuniti.

Pada hari terakhir, para peserta menyertai *Global Rosary Relay* dan merayakan Misa Kudus penutup. Pertemuan ERCSC seterusnya akan dihoskan oleh Keuskupan Agung Singapura, dari Jun 15-19, 2026.



KUALA LUMPUR: Persatuan Misi Kepausan (PMS) Malaysia, Singapura, dan Brunei mengadakan mesyuarat tahunan mereka di Pusat Pastoral Keuskupan Agung (APC) dari Jun 23 hingga 26 lalu yang mengukuhkan lagi usaha misi bersama mereka dan merenung peranan mereka sebagai "Misionari Harapan."

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Presiden Episkopal, Uskup Julius Dusin Gitom dari Keuskupan Sandakan dan Fr Victor Louis (Pulau Pinang), Pengarah Kebangsaan PMS.

Turut hadir ialah para pengarah dioses PMS: Fr Harry Dorisoh (Keningau); Fr Peter Hwang (Miri); Fr Raymond Pereira (Kuala Lumpur); Fr Neville Arul Sinnappah (Malacca Johore); Fr Arthur John (Sandakan); Fr Arin Sugit (Vikariat

Peranan PMS sebagai misionari harapan



Brunei); Fr Davie Anak Entalai (Keuskupan Agung Kuching) dan Fr Joshua Liew (Keuskupan Agung Kota Kinabalu).

Mesyuarat diadakan selaras dengan tema Tahun Jubli, "Penzia-rah Harapan," serta memberi tumpuan kepada persiapan untuk Hari

Minggu Misi Sedunia 2025, yang akan disambut pada Oktober 19 yang bertema, "Misionari Harapan dalam Kalangan Semua Bangsa".

Tema ini menekankan panggilan misi setiap orang Kristian, menyeru Gereja untuk menjadi cahaya harapan, terutamanya di kawasan

di mana iman masih muda, rapuh atau berada di bawah tekanan.

Fr Arin Sugit, yang hadir buat kali pertama sebagai pengarah PMS dari Brunei, berkongsi rasa syukurnya atas semangat perpaduan dan kehairan misi yang beliau saksikan.

Katanya, "PMS lebih daripada sekadar mengumpul dana — ia adalah nadi kepada panggilan misi Gereja. Saya telah belajar banyak dengan mendengar perjuangan dan kegembiraan komisi ini."

Satu hasil utama mesyuarat tersebut adalah komitmen sebulat suara terhadap tanggungjawab alam sekitar.

Dalam langkah ke arah keadilan penciptaan, pengarah PMS setuju untuk tidak mencetak post-

er atau kotak duit kertas untuk Hari Misi 2025.

Selainnya, mereka akan mempromosikan bahan digital dan penggunaan sumber yang dikitar semula, menandakan peralihan ke arah amalan yang lebih lestari.

Hari Minggu Misi Sedunia, yang disambut setiap tahun di paroki-paroki Katolik di seluruh dunia, adalah hari doa dan solidariti untuk kerja misi Gereja.

Semua sumbangan yang dikumpulkan semasa perayaan hari itu akan disalurkan terus untuk menyokong Gereja, sekolah, hospital, dan panggilan di wilayah misi — terutamanya di tempat-tempat di mana Gereja masih berkembang atau menghadapi kesukaran ekonomi.

Mesyuarat PMS tahun depan akan diadakan di Brunei.

Sahabat kecil Yesus

Hello anak-anak,

Pada suatu hari, Yesus pergi ke rumah Marta dan Maria untuk makan malam.

Sementara Marta menyiapkan makanan, adiknya Maria hanya duduk dekat Yesus untuk mendengarkan-Nya.

Marta berasa kecewa kerana dia mempunyai banyak kerja untuk dilakukan tetapi Maria langsung

tidak membantu.

Ia tidak kedengaran adil, bukan?

Tetapi Yesus memberitahu Marta bahawa hanya ada satu perkara yang penting, dan Maria telah memilihnya.

Maria telah memilih untuk bersama-Nya dan mendengar-Nya. Marta bimbang tentang perkara sehingga tidak memikirkan tentang Yesus.

Yesus tidak mengatakan bahawa

memasak atau bekerja di rumah adalah buruk.

Melalui kisah Maria dan Marta, Yesus menunjukkan kepada kita bahawa kita perlu meletakkan Tuhan di tempat pertama dalam segala-galanya.

Oleh sebab itu anak-anak, mari kita renungkan, adakah kita sentiasa menghadiri mengutamakan Misa Kudus atau berdoa berbanding bermain dengan Internet? Atau

adakah kita merungut atau menolak apabila diminta membaca Kitab Suci atau berdoa rosari?


Adik-adik, sebaik-baiknya berdoalah terlebih dahulu sebelum melakukan apa-apa perkara misalnya berdoa sebelum ke sekolah, bermain dan sebelum tidur.

Salam Sayang
Auntie Melly

Apakah pesan Yesus kepada mereka yang berbeban berat? Lengkapi petikan di bawah untuk membaca pesan penuh Yesus.

Mari
Mewarna

Yesus di rumah
Maria dan
Marta
(Lukas 10: 38-41)



kepada-Ku
semua
kelegaan
Marilah
memberi
akan



Cari perkataan tersembunyi pada gambar di bawah.

Marta merungut kepada Yesus kerana saudarinya, Maria, tidak membantunya. Namun, apakah jawapan Yesus? Lengkapi petikan di bawah.



Marta, Marta, _____
khuatir dan _____ diri
dengan banyak _____,
tetapi hanya _____ saja
yang perlu: _____ telah
memilih bahagian yang
_____, yang tidak akan
_____ dari padanya.”

(Lukas 10:41)

RUMAH KAMPUNG KAKI
MARIA TUHAN MARTA

Maria terbaik diambil engkau
satu menyudahkan perkara



BELIA

SRI PAUS LEO SERU BELIA JADI RASUL HARIAN TUHAN

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV menyambut para penziarah muda dari Denmark, Ireland, England, Wales dan Scotland ke Vatikan sebagai sebahagian daripada lawatan mereka ke Roma untuk Tahun Jubli. Berucap kepada kumpulan itu pada Julai 5, para belia dari Keuskupan Copenhagen di Denmark, bersama beberapa guru, Bapa Suci Leo XIV mengucapkan terima kasih atas kehadiran mereka dan menyatakan, "Anda mengikuti jejak langkah ramai penziarah dari negara anda, yang selama berabad-abad telah melakukan ziarah yang sama ke Kota Abadi ini".

Ziarah: Peluang bertemu dengan Tuhan

Sri Paus Leo mengingatkan mereka bahawa Roma mempunyai tempat

istimewa bagi penganut Kristian: Ia adalah bandar di mana Santo Petrus dan Paulus mengorbankan nyawa mereka sebagai saksi kepada Injil, dan di mana para penziarah terus mendapat kekuatan dan inspirasi.

"Dengan melawat pelbagai tempat suci, semoga anda mendapat inspirasi dan harapan daripada contoh mendalam bagaimana para santo dan martir mencontohi Kristus," ucap Sri Paus Leo.

Prelatus itu turut memberi penjelasan akan tujuan ziarah yang katanya menawarkan "masa dan ruang untuk bertemu Tuhan dengan lebih mendalam, jauh dari gangguan kehidupan seharian. Pengalaman seperti itu, membolehkan Roh Kudus membentuk hati lebih dekat kepada hati Kristus."

Setiap belia ada tujuan dan misi

Sri Paus Leo mengingatkan para penziarah muda itu bahawa Tuhan mempunyai rancangan untuk setiap kehidupan mereka.

"Tuhan telah menciptakan setiap daripada kamu dengan tujuan dan misi," katanya.

Bapa Suci menggalakkan mereka untuk menggunakan ziarah sebagai peluang untuk berdoa dan menilai, mendesak mereka untuk "mendengar dengan lebih jelas suara Tuhan yang memanggil anda jauh di dalam hati anda".

Kepada guru-guru mereka, Sri Paus Leo menyeru mereka tentang peranan mereka dalam membentuk generasi masa depan.

"Kanak-kanak akan melihat anda sebagai teladan iman, terutamanya dalam cara anda mengajar dan



hidup", katanya.

Bapa Suci menggalakkan mereka untuk memupuk hubungan mereka sendiri dengan Kristus, yang "memberikan kita pola semua pengajaran yang sejati".

Menjadi rasul harian Tuhan

Pada akhir pertemuan, Sri Paus mengingatkan para penziarah

bahawa perjalanan mereka tidak berakhir di Roma. "Ziarah tidak berakhir tetapi beralih fokus kepada 'rasul-rasul Yesus harian,'" katanya.

Walaupun perjalanan iman sentiasa ada cabaran tetapi ia disokong oleh rahmat Tuhan, kesaksian para santo, dan sokongan orang lain. **Media Vatikan**

PULAU PINANG: 29 orang pemuda dari tiga keuskupan Semenanjung Malaysia menyertai program "Belajar dan Tinggal" dan "Lihat" di Kolej General, sebuah seminari utama di Pulau Pinang pada Jun 13-15.

Pengalaman ini menawarkan peluang berharga bagi mereka yang sedang mempertimbangkan panggilan kepaderian.

Dengan tinggal dan meninjau kehidupan di seminari, memberikan mereka pemahaman yang lebih mendalam tentang panggilan keuskupan.

Program ini bermula dengan Ibadat Senja, diikuti makan malam dan sesi suai kenal.

Para peserta kemudian disambut oleh Fr Ryan Innas Muthu, Rektor Kolej General.

Fr Ryan memperkenalkan mereka kepada proses pembentukan utama di seminari iaitu intelektual, rohani, pastoral, dan kemanusiaan.

Pada hari kedua, menekankan pembentukan dan persekutuan. Hari bermula dengan Ibadat Pagi, meditasi yang dipimpin oleh Fr Larry Tan, SJ., dan perayaan Misa.

Selepas sarapan, para peserta bergabung dengan seminarian untuk melakukan kerja manual di sekitar kawasan seminari.

Pada pukul 10.15 pagi, para peserta berkumpul di auditorium untuk sesi mengenai penentuan panggilan yang dikendalikan oleh Fr Cyril Mannayagam.



Pengalaman "belajar dan tinggal" di Kolej General

Fr Cyril memberi penjelasan tentang sifat kepaderian, kaedah untuk mengenal pasti panggilan imamat dan perbezaan antara kehidupan paderi keuskupan dengan religius.

Ini diikuti dengan sesi perkongsian kumpulan kecil, di mana para peserta dan seminarian berkongsi cerita panggilan mereka.

Pada waktu petang, para peserta mengambil bahagian dalam doa komuniti, bacaan rohani, dan latihan koir.

Pada pukul 4.30 petang, perlawanan bola sepak diadakan di padang seminari yang menawarkan masa untuk rekreasi dan persahabatan. Petang itu diteruskan dengan penyembahan

di hadapan Sakramen Maha Kudus, Ibadat Seja, makan malam dan berdoa rosari dengan berjalan di sekitar kawasan seminari.

Hari kedua diakhiri dengan sesi soal jawab, di mana para calon mengajukan soalan kepada panel yang terdiri daripada Fr Surain Durai Raj (Dekan Pengajian) dan seminarian Lincoln Susah (Falsafah Tahun Dua), Daniel Anthony (Falsafah Tahun Pertama), dan Marcus Leong (Tahun Permulaan).

Hari terakhir dimulakan dengan Ibadat Pagi, diikuti dengan meditasi dan Misa. Selepas Misa, Fr Ryan dan Matthew menyampaikan ucapan penutup disusuli sarapan bersama.

Taat pada agama dan menghormati agama lain



KUCHING: 60 orang belia dari pelbagai negara telah melawat Galeri Sejarah di Pusat Pastoral Katedral & Kuria Keuskupan Agung (ACCPC).

60 orang belia itu terlibat dalam program yang dianjurkan oleh Pusat Maklumat Islam-Majlis Islam Sarawak (IIC-MIS) dengan kerjasama Majlis Da'wah Islamiah Serantau Asia Tenggara dan Pasifik (RISEAP), JAKIM Sarawak dan HIKMAH Sarawak.

Program yang dinamakan "Memahami Islam: Cara Menjadi Islam yang Baik", bermatlamat untuk meningkatkan

kesedaran dalam kalangan belia tentang cara menjadi seorang Islam yang baik dengan mempromosikan sikap saling menghormati dan mengekalkan toleransi antara agama yang kukuh.

Lawatan mereka ke Galeri Sejarah di Pusat Pastoral Katedral & Kuria Keuskupan Agung (ACCPC) telah dialu-alukan oleh Uskup Agung Simon Poh.

Kunjungan itu membantu para belia Islam memahami sejarah agama dan budaya yang kaya dalam komuniti Kristian di Sarawak. **Today's Catholic**

Berita singkat antarabangsa

Peribadi Yesus, inti utama katekesis

ASUNCION, Paraguay: Sri Paus Leo XIV mengirimi pesan kepada para peserta Perhimpunan Biasa ke-13 dan *Study Days* ke-10 Komiti Katekis Amerika Latin (*Sociedad de Catequetas Latinoamericanas*, SCALA) yang berlangsung pada Julai 7-11 lalu.

Bapa Suci berpesan agar para peserta mengambil peluang itu untuk merenung dan meneladani peribadi Yesus dari Nazaret — inti dan tujuan katekesis.

Prelatus itu menggalakkan para peserta agar menggunakan peng-

etahui kasih tentang Yesus ini untuk memperbaharui peribadi, semangat mewartakan-Nya dan bagi membimbing orang lain mengucapkan 'ya' kepada iman Kristus.

Ditubuhkan pada tahun 1995, SCALA terdiri daripada para sargana dan penyelidik yang mengumpulkan pada katekesis dari pelbagai bahagian Amerika Latin; berusaha melalui katekese untuk menyumbang kepada misi penginjilan Gereja di Amerika Latin. **Media Vatikan**

Melalui kerja harian juga boleh menjadi orang kudus

KOTA SINGAPURA: Kardinal William Goh menekankan bahawa kekudusan tidak terhad dalam kalangan pelayan Gereja tetapi umat Katolik awam juga boleh mencapai kekudusan melalui kerja mereka dalam kehidupan seharian.

"Melayani dalam pelayan Gereja bukanlah satu-satunya cara untuk berkembang dalam kekudusan; cara lain adalah dengan mengamalkannya di tempat kerja," kata Kardinal semasa Misa pada Jun 28 sempena ulang tahun ke-50 kematian St Josemaria Escriva, pengasas *Opus Dei*.

Menurut akhbar *Catholic News SG*, Kardinal Goh memberitahu kira-kira 800 orang umat yang hadir bahawa "Sto Josemaria menunjukkan cara untuk meng-

uduskan kehidupan biasa."

Opus Dei, yang bermaksud "kerja Tuhan" dalam bahasa Latin, mengajarkan bahawa kerja harian adalah jalan menuju kekudusan. *Opus Dei* mempunyai kira-kira 95,000 anggota di 68 negara.

"Semua orang Kristian dipanggil untuk hidup kudus dan Tuhan memberikan kita karisma khas untuk kerja yang dilakukan oleh setiap daripada kita," tambah-

Ditubuhkan pada tahun 1928 di Sepanyol, *Opus Dei* mempromosikan idea bahawa semua orang dipanggil untuk menjadi orang kudus dengan melaksanakan tugas harian mereka dengan cinta dan kecemerlangan. **LICAS News**

Kardinal Sri Lanka tidak berhenti seru kerajaan siasat tragedi serangan bom 2019

COLOMBO: Presiden Sri Lanka, Anura Kumara Dissanayake, telah berikrar untuk mendengar seruan berulang, Kardinal Malcolm Ranjith untuk keadilan bagi mangsa-mangsa serangan bom Hari Paskah 2019.

Bercakap pada majlis memperingati ulang tahun ke-50 pentahbisan imam Kardinal Malcolm, Dissanayake berkata kerajaan akan menuntut kebertanggungjawaban.

"Kerajaan perlu menjalankan siasatan bagi mendedahkan kebenaran di sebalik serangan Hari Paskah. Ia adalah tugas yang mencabar. Namun, kami akan me-

mastikan bahawa keadilan dicapai untuk mangsa-mangsa," kata presiden itu semasa acara pada Julai 7, di Rumah Uskup Agung di Colombo.

Kardinal Malcolm secara konsisten mengkritik pemimpin kerajaan Sri Lanka kerana gagal memastikan ketelusan dan akauntabiliti berikutan serangan bom terkoordinasi yang mengorbankan hampir 300 orang di Gereja dan hotel di seluruh negara pada tahun 2019.

Untuk memperingati jubli emas imam Kardinal Malcolm, setem khas dan sampul hari pertama juga telah diperkenalkan semasa acara tersebut. **LICAS News**

Korea Selatan kenang 1000 martir

SEOUL: Lebih seribu umat beriman menghadiri Misa Kudus memperingati ulang tahun ke-100 beatifikasi 79 martir Korea dari penganiayaan Gihae (1839) dan Byeong-o (1846) pada Julai 5 lalu di Keuskupan Agung Seoul.

"Walaupun diuji dengan penganiayaan, para martir tersebut tidak pernah meninggalkan iman mereka kepada Tuhan."

"Kesabaran mereka memperdalam iman mereka, yang akhirnya berbuah sebagai harapan sejati yang mengatasi bahkan kematian," kata Uskup Agung Seoul, Peter Soon-taick Chung, semasa menyampaikan homilinya.

79 orang martir Korea dari penganiayaan Gihae dan Byeong-o telah dibeatifikasi oleh Sri Paus Pius XI di Basilika St. Peter pada 5 Julai 1925.

Sri Paus Paulus VI kemudian mengbeatifikasi kumpulan kedua seramai 24 orang martir pada tahun 1968, dan kedua-dua kumpulan, yang berjumlah 103 orang, telah dikanonisasi secara kolektif oleh Sri Paus Yohanes Paulus II pada tahun 1984.

Menurut agensi berita *Fides*, pada abad ke-19, Gereja Korea menganggarkan bahawa kira-kira 16,000 penganut Katolik telah dibunuh. **LICAS News**

Mengakhiri perang bermula daripada kanak-kanak

VATIKAN Banyak gambar sangat dua bulan lalu membawa makna mendalam sejak Sri Paus Leo XIV menduduki takhta Sto Petrus.

Dunia pasti akan mengingati imej-imej tersebut seperti emosi yang ditahannya di balkoni tengah Basilika Sto Petrus, ketika Leo diumumkan sebagai Bapa Suci baharu menggantikan mendiang Sri Paus Fransiskus pada petang Mei 8, 2025.

Namun, terdapat juga satu lagi imej, yang kurang dikenali tetapi secara diam-diam membawa mesej dan visi untuk masa depan: Sri Paus Leo duduk di atas tumitnya di sebelah seorang gadis kecil dari kem musim panas Vatikan yang sedang menunjukkan kepadanya sebuah lukisan.

Apa yang menarik perhatian pemerhati adalah senyuman mereka: Sri Paus Leo XIV jelas melihat ke arah orang yang mengambil gambar, manakala gadis kecil itu tidak melihat ke arah kamera tetapi memandang dan tersenyum ke arah Sri Leo XIV.

Mengapakah gambar ini begitu menarik? Ini adalah kerana melalui tindakan sederhana membongkok itu, Sri Paus menunjukkan hala tuju yang harus diikuti oleh semua orang—terutamanya mereka yang memegang takdir dunia di tangan mereka: untuk bertemu dengan kanak-kanak, mengukir senyuman kepada mereka untuk melihat dunia melalui mata mereka.

Betapa banyaknya arah tuju kemanusiaan akan berubah jika setiap daripada kita mempunyai keberanian untuk merendahkan diri, seperti yang dilakukan oleh Yesus ketika Dia menegur para murid yang cuba menghalau kanak-kanak yang



"mengganggu", dengan berkata: "Biarkanlah anak-anak kecil datang kepada-Ku."

Hari ini, berapa kerap kita benar-benar membiarkan kanak-kanak datang kepada kita? Lebih penting lagi—berapa kerap kita pergi kepada mereka?

Adakah kita berusaha untuk menjaga kanak-kanak yang terperangkap dalam perselisihan perang, yang kelaparan akibat keegoisan orang lain, yang dianiaya dalam pelbagai cara?

Akal — sebelum emosi — menuntut agar yang kuat melindungi yang lemah namun sebaliknya yang berlaku: dalam peperangan yang diputuskan oleh orang dewasa, yang pertama menderita adalah kanak-kanak.

Apa yang akan kita lihat jika kita membongkok ke tahap kanak-kanak di Gaza, di Kharkiv, di Goma, dan di tempat-tempat yang tidak terhitung jumlahnya yang hancur akibat konflik bersenjata? Mungkin, jika kita melakukannya, sesuatu akan berubah.

"Jika kita ingin mengejar keamanan sebenar di dunia ini," kata

Mahatma Gandhi suatu ketika dahulu, "dan jika kita ingin meneruskan perang sebenar menentang perang, kita harus bermula dengan kanak-kanak."

Bayangkan, hanya untuk seketika, jika kanak-kanak dari negara-negara Kuasa Besar duduk di Majelis Keselamatan PBB. Siapa tahu bagaimana hubungan antarabangsa mungkin berubah.

Inilah sebabnya, mungkin, satu-satunya cara sebenar untuk mengubah haluan sejarah melihat (dan lebih-lebih lagi, merasakan) dan membongkokkan diri untuk menatap kanak-kanak.

Sebagai seorang religius dan uskup di Peru, Sri Paus Leo sering membongkok untuk bertemu dengan kanak-kanak.

Sekarang dia adalah Uskup Roma, gayanya tidak berubah, seperti yang dipotretkan dalam foto dari kem musim panas Vatikan di Dewan Paul VI itu.

Menjadi kecil, maka, adalah untuk memperbesar kemanusiaan kita. Ini adalah pelajaran yang sangat kita perlukan hari ini. **Media Vatikan**

Isu bawa kembali kanak-kanak Ukraine dari Rusia, presiden Ukraine mohon bantuan Vatikan

ROMA: Pada petang Julai 9, Sri Paus Leo XIV berkenan menerima kunjungan Presiden Ukraine, di kediaman kepausan di Castel Gandolfo.

Pertemuan tersebut memberi tumpuan kepada perang yang sedang berlangsung di Ukraine dan keperluan mendesak untuk mengejar keamanan melalui dialog.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Akhbar Takhta Suci, perbualan tersebut tertumpu kepada usaha untuk mengakhiri permusuhan dan mencari penyelesaian yang adil dan berkekalan kepada perang di Ukraine.

Bapa Suci Leo menyatakan kesedihannya terhadap mangsa-mangsa perang dan meyakinkan rakyat Ukraine tentang doanya serta sokongan berterusan.

Bapa Suci juga menggalakkan usaha-usaha yang bertujuan untuk pembebasan tahanan dan pemulihan kanak-kanak yang telah dipisahkan dari keluarga mereka.

Prelatus itu mengulangi kesediaan



Vatikan untuk menyambut wakil-wakil dari kedua-dua Ukraine dan Rusia ke Vatikan untuk potensi rundingan.

Selepas mesyuarat, Presiden Zelensky secara ringkas bercakap kepada wartawan dalam bahasa Inggeris.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Sri Paus Leo dan Vatikan atas sokongan mereka, terutamanya mengenai isu kanak-kanak Ukraine yang dibawa ke Rusia semasa perang.

"Ini adalah isu yang sangat pen-

ting," katanya, menekankan keperluan untuk mengembalikan kanak-kanak itu kepada saudara mara mereka di Ukraine.

Presiden Zelensky menegaskan semula komitmen Ukraine untuk mencapai keamanan. "Sudah tentu kami mahu keamanan, kami mahu perang ini berakhir," katanya.

"Kami sangat bergantung pada Vatikan dan Bapa Suci untuk membantu menyediakan tempat bagi pertemuan pemimpin-pemimpin peringkat tinggi bagi mengakhiri perang ini." **Media Vatikan**

Jangan jadikan iman sekadar 'label'

VATIKAN: Pada Julai 6, semasa doa Angelus, Sri Paus Leo menawarkan renungan tentang sifat misi Gereja yang berlandaskan Injil Lukas.

Sri Paus menumpukan refleksinya pada pengutusan tujuh puluh dua murid oleh Yesus, satu tindakan yang mewakili skop sejagat Injil.

"Harapan Injil adalah untuk semua bangsa," katanya sambil menambah bahawa ini mencerminkan "keluasan hati Tuhan dan kelimpahan hasil tuaian-Nya."

Namun, seperti yang Yesus katakan, "Tuaiannya memang banyak, tetapi pekerjanya sedikit."

Prelatus itu menjelaskan bahawa dunia dilanda oleh gangguan dan kebisingan, oleh sebab itu orang ramai hari ini "merindukan kebenaran yang lebih besar," mencari keadilan, dan membawa dalam diri mereka kerinduan untuk kehidupan abadi."

Bapa Suci Leo menggambarkan Tuhan sebagai seorang penabur yang telah dengan murah hati keluar dan menabur dalam hati orang-orang "yang amat merindui kehidupan yang penuh dan untuk keselamatan yang membebaskan kita." Walau bagaimanapun, hanya terdapat sedikit yang mampu "membezakan dan melihat melalui mata Yesus, biji-bijian baik yang sudah masak untuk dituai."

Elakkan jadi umat "sekejap-sekejap" Sri Paus Leo XIV memberi peringatan bahawa iman tidak seharusnya menjadi "sekadar label luaran."



Apa yang diperlukan oleh Gereja dan dunia bukanlah peserta yang "kadang-kadang ada" tetapi "pekerja yang bersemangat untuk bekerja di ladang misi, murid-murid yang penuh kasih yang memberi kesaksian tentang Kerajaan Tuhan di semua tempat."

Sri Paus mengakui bahawa mungkin terdapat ramai "orang Kristian yang kadang-kadang bertindak berdasarkan perasaan keagamaan atau hanya mengambil bahagian dalam acara-acara besar sehingga hanya sedikit yang bersedia setiap hari, untuk bekerja dalam tuaiannya Tuhan."

Uskup Roma itu menekankan bahawa misi ini tidak memerlukan "terlalu banyak idea teori tentang rancangan pastoral."

Sebaliknya, "kita perlu berdoa kepada

Tuhan tuaian." Memberi keutamaan kepada hubungan seseorang dengan Tuhan dan menggalakkan dialog dengan-Nya, tambahnya, membolehkan orang menjadi pekerja sejati, bersedia untuk dihantar ke ladang dunia untuk memberi kesaksian tentang Kerajaan-Nya.

Mengakhiri renungannya, Sri Paus Leo mengajak para penganut untuk mempercayai diri kepada Perawan Maria yang Terberkati, "yang dengan murah hati memberikan kata 'ya untuk turut serta dalam karya keselamatan."

Bapa Suci turut mengajak hadirin agar berdoa kepada Bunda Maria untuk "berdoa bagi kita dan menemani kita di jalan mengikuti Tuhan, agar kami juga dapat menjadi pekerja yang penuh sukacita dalam Kerajaan Tuhan." **Media Vatikan**

Jus rohani untuk jiwa

Mengapa roh jahat mengejar kita?

Sejak awal mula umat manusia, roh-roh jahat sudah mengarahkan kita pada kutub kekal.

Iblis tidak sendirian dalam misinya untuk menghancurkan umat manusia. Iblis ditemani oleh roh-roh jahat yang punya misi utamanya yaitu mengacaukan tujuan hidup kita dan membawa kita supaya jauh daripada Tuhan.

Katekismus Gereja Katolik menjelaskan bahawa, "Gereja mengajar bahawa Iblis pada mulanya adalah malaikat baik yang diciptakan Tuhan.

Syaitan dan roh-roh jahat lain menurut kudrat memang diciptakan baik oleh Tuhan tetapi mereka menjadi jahat kerana kesalahan sendiri.

Kitab Suci berbicara mengenai satu dosa para malaikat yang jatuh. 'Jatuhnya mereka dalam dosa' merupakan keputusan bebas roh-roh yang tercipta ini, yang menolak Tuhan dan Kerajaan-Nya secara radikal dan tetap (KKGK 391-392)."

Dalam kitab Wahyu menyatakan Iblis itu tidak sendirian dalam pemberontakannya melawan Tuhan.

Kemudian perang terjadi di syurga; Mikael dan para malaikatnya berperang melawan naga. Naga dan para malaikatnya melawan balik, namun mereka tidak menang dan tidak ada lagi tempat bagi mereka di syurga. Naga besar, si ular tua, yang disebut Iblis dan Syaitan, yang menyesatkan seluruh dunia, dilemparkan ke bumi bersama dengan para malaikatnya (Wahyu 12:7-9).

Sebelum petikan itu, penulis telah menuliskan bagaimana ekor naga itu "menyeret sepertiga dari bintang-bintang di langit dan melemparkannya ke atas bumi" (Wahyu 12:4).

Hal ini sering ditafsirkan sebagai "sepertiga" malaikat di syurga bergabung dalam pemberontakan Iblis.

Secara umum diyakini bahawa ada sejumlah besar malaikat di Syurga, sesuatu yang sukar difahami oleh fikiran manusia. Jumlah malaikat yang jatuh adalah sebab pengaruh Iblis menyebar ke seluruh dunia.

Sejak kejatuhan yang pertama ini pada awal penciptaan, Iblis dan Syaitan-syaitannya sudah membidik manusia. Kitab Wahyu mengungkapkan, "Maka marahlah naga itu kepada perempuan itu, lalu pergi memerangi keturunannya yang lain, yang menuruti hukum-hukum Tuhan dan memiliki kesaksian Yesus" (Wahyu 12:17).

Manusia adalah mutiara ciptaan Tuhan dan Iblis ingin menghancurkan mutiara itu dengan menggoda kita untuk menghancurkan diri kita sendiri, dengan membuat pilihan yang salah dan membuat semangat pemberontakan dalam hati kita. Tujuan akhir si Iblis adalah membuat kita menolak Tuhan sepenuhnya dan bergabung dengannya dalam kesengsaraan kekal.

Dan Berita Baiknya adalah kekuatan Syaitan adalah terbatas dan sebenarnya mereka tidak cukup berbahaya bagi jiwa



yang bersatu dengan Tuhan.

Mereka tidak dapat melakukan apa-apa selain mencuba untuk menakutkan kita.

Oleh sebab itu, kita dapat memohon kuasa Tuhan untuk mengusir mereka dari kehidupan kita.

Syaitan tidak berdaya ketika kita membandingkannya dengan kemuliaan dan keagungan Tuhan.

Tentu sahaja Syaitan dapat mendatangkan melapetaka di dunia kita, namun ini terjadi jika kita memberikan kerjasama dengan mereka.

Sebenarnya Syaitan itu pengecut, mereka sudah terpisah daripada Tuhan oleh pilihan bodoh mereka. **Aleteia**

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Etika ialah penguinjian

Hari ini terdapat banyak isu etika baru yang timbul dari zaman ini, dan ia mencabar kita untuk mencari jawapan.

Banyak isu ini mempengaruhi seluruh umat manusia, contohnya, persoalan ekologi, perdagangan antarabangsa, penyeludupan senjata, hutang luar negara negara-negara miskin, globalisasi kewangan, dan sebagainya.

Mereka yang terlibat dalam pembuatan keputusan seperti itu datang dari latar belakang yang pelbagai dan tidak mempunyai kepentingan yang sama.

Namun begitu, kemunculan teknologi dalam hampir setiap bidang telah mencipta situasi baru di peringkat peribadi, yang memerlukan jawapan etika: pengklonan, kejuruteraan genetik, pemindahan tisu asing, pengubahsuaian digital, dan sebagainya.

Bagaimanakah umat Katolik yang prihatin menghadapi isu-isu ini? Mungkin jawapannya ialah 'etika' kerana pada dasarnya etika Kristian sentiasa berkait rapat dengan "evangelikal atau penguinjian." Gereja tidak akan berhenti berjuang dalam mengangkat etika memerhatikan golongan miskin dan terpinggir dalam masyarakat.

Etika 'menemani' sebuah perkataan yang dari dahulu digunakan oleh Gereja kerana ia menunjukkan solidariti dengan mereka yang mungkin memerlukan — mereka yang mungkin telah membuat keputusan yang salah, yang telah memilih kejahatan yang lebih kecil, atau yang tidak sepenuhnya bebas untuk bertindak.

Orang Kristian harus menghindari semua sikap merasa benar sendiri dan sebaliknya menunjukkan keramahtamahan yang murah hati kepada mereka yang seperti ini, jika tidak pun keterbukaan kepada belas kasihan. Marilah kita sentiasa mengingati kata-kata dan sikap mendiang Sri Paus Fransiskus terhadap golongan gay: "Siapakah saya untuk menghakimi?"

Gereja juga menekankan etika yang mengambil kira komuniti. Jika kita percaya bahawa Roh hadir dalam Gereja, maka kita harus menyedari peranan penting Gereja domestik kita [keluarga] dan komuniti kejiwaan di mana kasih sayang dan perhatian kepada yang paling lemah dapat disalurkan.

Pada masa yang sama, Gereja tidak dapat dipisahkan dengan etika mencari atau mempromosi kesatuan dengan semua lelaki dan wanita yang mempunyai niat baik, tidak semestinya dalam kalangan penganut agama Katolik sahaja tetapi semua orang.

Perhatian harus diambil untuk mengelakkan tergesa-gesa mencari jawapan yang cepat dan mudah. Kerap kali kita mungkin perlu hidup untuk beberapa waktu dengan keraguan dan ketidakpastian dan mengakui bahawa dalam banyak isu, Gereja tidak mempunyai kata akhir.

Lebih-lebih lagi, komuniti harus peka terhadap golongan paling rapuh — yang muda, yang miskin dan yang sakit, juga golongan terabai (migran, minoriti bahasa, minoriti seksual, pelarian dan lain-lain). **Fr Myron J. Pereira, Ucan News**

● **Fr Myron J. Pereira, telah menghabiskan lebih daripada lima dekad sebagai seorang akademik, wartawan, editor dan penulis fiksi serta menulis rencana berkenaan agama dan sosio-budaya.**

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau

WhatsApp: 011-26391498



Untuk Pembentukan Dalam Pendalaman Kerasulan:
Marilah kita berdoa agar kita dapat belajar lagi untuk memahami, mengetahui cara memilih jalan kehidupan dan menolak segala sesuatu yang membawa kita menjauhi Kristus dan Injil.

KOTA KINABALU: Lebih seribu ahli Pembaharuan Karismatik Katolik (CCR) berhimpun di Katedral Hati Kudus, Karamuning untuk menghadiri Konferensi CCR Malaysia 2025 yang diadakan pada Jun, 27-29 lalu.

"Kehadiran anda sempena perayaan emas Konferensi Pembaharuan Karismatik Katolik (CCR) Malaysia merupakan karya transformasi Roh Kudus yang menyentuh serta mengubah setiap individu menjadi baharu, menjadi komuniti murid-murid sukacita, belas kasihan dan harapan Tuhan di dunia," kata Kardinal Sebastian Francis semasa Misa Kudus pembukaan ulang tahun ke-50 CCR Sabah.

Kardinal Sebastian merujuk tema ulang tahun emas CCR, "Aku akan memberimu sebuah hati yang baharu dan Aku akan menaruh roh yang baharu di dalam kamu" (Yehezkiel 36:26) sebagai dorongan serta berkat Roh Kudus yang tidak pernah berhenti.

Sejarah Gereja membuktikan bahawa selepas pencurahan Roh Kudus yang dialami oleh para rasul di ruang atas pada hari Pentakosta, ia tidak berhenti begitu sahaja.

Curahan Roh Kudus terus terjadi dan menguatkan Gereja selama berabad-abad lamanya hingga ke hari ini.

CCR pertama berlaku 58 tahun lalu pada tahun 1967 di Pittsburgh Amerika Syarikat. Enam tahun kemudian, pada tahun 1974, Gereja-gereja di Sabah mulai merasakan gerakan Roh Kudus yang kuat.

Menurut catatan sejarah, CCR berkembang di Sabah bermula 1974 apabila mendiang Fr Tobias Chi membawa lapan orang belia (pelajar dan belia bekerja) dari paroki Hati Kudus, ke sebuah retret di Bundu Tuhan.

Para pelajar dan belia bekerja itu ialah Anna Yap (sekarang Sr Anna Yap DSP), Angelina Amaladoss, Agnes Kong, Agnes Wong (sekarang Sr Agnes Wong DSP), Peter



Ulang Tahun ke-50 pembaharuan Karismatik Katolik Sabah

Ho, Gregory Sakial, Daniel Kong dan Joan Wong serta Fr Tobias.

Fr Tobias mencadangkan kepada mereka untuk mengadakan Seminar Hidup Baru dalam Roh (SHBDR) dengan mengikuti panduan buku SHBDR yang diperolehinya di USA.

Mereka berganti-ganti membaca buku yang mengandungi lima bab itu, saling umpangkan tangan, memohon pertolongan Roh Kudus dan berasa sukacita serta kasih Tuhan yang tidak pernah mereka rasai selama ini.

Apabila mereka kembali ke paroki, mereka memulakan Doa Kelompok dan perlahan-lahan, Doa Kelompok ini tersebar dan berkembang ke paroki lain, sehinggalah ke hari ini.

Ulang Tahun ke-50 CCR di Sabah diraikan dengan tiga hari seminar. Antara topik yang diberikan ialah Jubli Emas: Terima kasih Tuhan bagi berkat "Aliran Rahmat";



Jemputan untuk kembali kepada Kasih Pertama; Saat KAIROS untuk lancar kepada misi dan Biar Api itu Jatuh.

Dua orang penceramah diundang untuk memberikan beberapa sesi sempena

perayaan ini. Mereka ialah Uskup Agung Francis Kalist dari Keuskupan Agung Ponicherry-cuddalore, Tamil Nadu India dan Cyril John dari Kerala, India.

Empat empati proaktif untuk pentadbir pejabat paroki

KUALA LUMPUR: Sesi Latihan dan Formasi untuk pentadbir pejabat paroki telah diadakan di Pusat Pastoral Keuskupan Agung, 21 Jun. Dianjurkan oleh Pejabat Canseri Keuskupan Agung Kuala Lumpur, sesi ini telah ini mengumpulkan 48 peserta dari 36 paroki.

Program ini bertujuan untuk mengukuhkan asas komuniti paroki dengan menegaskan peranan dan perkhidmatan penting mereka yang mengurus pentadbiran paroki.

Fr Dr Clarence Devadass, Canselor Keuskupan Agung, mengendalikan latihan tersebut, memberikan panduan dan pengertian mengenai tanggungjawab prosedural dan penjagaan pastoral.

Peserta terlebih dahulu memahami panggilan mereka sebagai Pentadbir Pejabat Paroki — satu peranan yang memerlukan interaksi dengan pelbagai orang melalui panggilan telefon, kunjungan, dan emel, sama ada di peringkat tempatan, dalam keuskupan, dan seterusnya.

Mereka berkhidmat sebagai wakil penting Gereja Katolik, meneruskan misi Gereja dalam pertemuan harian.

Sesi tersebut menampilkan perbincangan mengenai cabaran yang dihadapi oleh para paderi dan pentadbir.

Para hadirin dijemput untuk merenungkan perjuangan praktikal mereka dan Fr Dr Clarence Devadass berkongsi pandangan tentang tanggungjawab prosedural dan pelayan pastoral, mengurus pertanyaan

dan permintaan serta bekerjasama dalam mencari penyelesaian.

Penekanan diberikan kepada perkhidmatan empati proaktif: menyelesaikan isu, membimbing umat, dan melaksanakan perubahan positif dalam komuniti Gereja.

Pentadbir juga digalakkan untuk mengambil peluang berhubung secara peribadi kerana ramai dalam kalangan mereka telah lama bekerja bersama melalui telefon atau emel, tetapi tidak pernah bertemu secara bersemuka.

Pembentukan ini mencipta ruang untuk memulakan atau mencipta perbualan dan pemahaman bersama, mengukuhkan kerjasama di seluruh paroki.

Maklum balas selepas latihan adalah sangat positif.

Joan Bernadette dari paroki Christ the Light menggambarkan acara tersebut sebagai "sesi yang memberi inspirasi dan sokongan."

Margaret Raj dari Gereja Gembala Baik menyatakan bahawa "ia adalah sesi yang sangat berbuah." Daisy Raj dari Gereja Rosari Suci mendapati "latihan itu sangat informatif."

Selepas Latihan dan Pembentukan Canseri, para peserta dapat memperbaharui semangat panggilan mereka pentadbir pejabat paroki, meningkatkan kompetensi praktikal dan pastoral mereka, serta memupuk hubungan yang memperkaya komuniti Katolik di seluruh keuskupan agung.



Tuhan memanggil bukan kerana kebolehan dan kemampuan kita

KUALA PENYU: Bendera paroki dan panji-panji dari setiap Gereja stasi luar yang bernaung dalam Gereja St Peter, Bundu, dibawa dalam perarakan masuk sempena Hari Paroki St Peter.

Fr Roney Mailap, dalam homili menyatakan bahawa walaupun kedua-dua Santo, Petrus dan Santo Paulus ini mempunyai peribadi yang berbeza namun kedua-duanya dipilih oleh Tuhan kerana iman mereka.

"Manusia diangkat menjadi pemimpin bukan kerana kebolehan dan kemampuan tetapi kerana Tuhan mencintainya, berbelas kasih dan mengerti akan kehidupan manusiawi."

Oleh sebab itu, hidupilah iman yang telah diberikan seperti Santo Petrus dan Paulus mengekalkan iman mereka walaupun

dianiaya," kata Fr Roney.

Paderi itu mengajak umat agar meneladani peribadi Santo Petrus dan Santo Paulus yang boleh diutus untuk pelbagai pelayan.

"Usahakan apa yang Tuhan inginkan, bukan apa yang kita inginkan," pesan Fr Roney Mailap.

Sempena Hari Paroki, umat dapat menonton video tentang permulaan iman Katolik di Kuala Penyu, perkembangan fizikal setiap Gereja di stasi luar dan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan di paroki.

Gimik perasmian perayaan disempurnakan oleh Fr Roney dengan 11 paluan gong yang melambangkan 10 gereja outstasi dan sebuah Gereja pusat yang komited untuk berjalan bersama dalam semangat sinodal. **Stella Eming Dydimus**